

# 1

## Prestasi Ekonomi Malaysia Tahun 2000 dan Prospek Tahun 2001

### Prestasi Tahun 2000

**E**konomi Malaysia kembali kukuh pada tahun 2000 selepas pulih daripada kemerosotan pengeluaran yang ketara pada tahun 1998 dan awal 1999 berikutan krisis kewangan. Pemulihan ekonomi yang bermula pada suku kedua 1999 terus kukuh. Pemulihan ini adalah hasil dari pengenalan kawalan modal terpilih dan penetapan nilai ringgit yang telah memulihkan keyakinan dan persekitaran ekonomi yang lebih stabil. Pemulihan ekonomi yang pada awalnya diterajui oleh permintaan luar yang kukuh, kini mempunyai asas yang lebih menyeluruh didorong oleh peningkatan permintaan agregat dalam negeri kesan daripada dasar fiskal dan kewangan yang mengembang. Selaras dengan perkembangan ini, Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) benar mencatat pertumbuhan 10.3% dalam tempoh separuh pertama 2000 berdasarkan pertumbuhan 11.9% pada suku pertama dan 8.8% pada suku kedua. Berdasarkan prestasi dalam separuh pertama tahun ini dan pertumbuhan berterusan yang dijangka dalam separuh tahun kedua, KDNK benar dijangka mencatat pertumbuhan 7.5% pada tahun 2000, lebih tinggi daripada anggaran 5.8% yang telah diumumkan semasa pembentangan semula Belanjawan 2000 di Parlimen pada bulan Februari tahun ini. Berikutan Keluaran Negara Kasar (KNK) semasa yang dijangka meningkat 7.2%, KNK per kapita dianggarkan mencatat pertumbuhan 4.7% kepada RM12,883 (AS\$3,390) (1999: RM12,305 atau AS\$3,238). Dari segi pariti kuasa beli, pendapatan per kapita dianggarkan meningkat 6% kepada AS\$7,716 (1999: AS\$7,277).

Dari segi penawaran, pertumbuhan dijangka kekal menyeluruh dengan semua sektor mencatatkan pertumbuhan positif yang didorong terutamanya oleh pertumbuhan sektor perkilangan dan perkhidmatan yang lebih kukuh. Nilai ditambah

sektor perkilangan dijangka meningkat dengan ketara sebanyak 17% (1999: 13.5%) didorong oleh kadar pertumbuhan yang mencapai dua angka bagi industri yang berorientasi eksport dan dalam negeri. Pertumbuhan sektor pertanian, perhutanan dan perikanan dijangka kekal pada kadar yang kecil sebanyak 0.5% (1999: 3.8%) kerana pengeluaran minyak kelapa sawit mentah dijangka meningkat hanya 0.9% manakala pengeluaran getah dijangka terus merosot (-8.9%). Sementara itu, sektor pembinaan yang telah menguncup selama dua tahun, dijangka pulih secara sederhana dengan mencatatkan pertumbuhan positif 3.1% (1999: -5.6%), berikutan daripada pelaksanaan projek awam, terutamanya projek-projek infrastruktur yang diswastakan serta pembinaan sekolah dan rumah kos rendah. Pengeluaran sektor perlombongan, bagaimanapun, dijangka pulih pada kadar 0.6% (1999: -3.1%), sebahagian besarnya disebabkan oleh pengeluaran minyak mentah dan gas asli yang lebih tinggi. Selaras dengan peningkatan dalam pertumbuhan ekonomi secara keseluruhan, sektor perkhidmatan dijangka berkembang pada kadar 4.9% (1999: 3.3%).

Dari segi permintaan, pertumbuhan permintaan agregat dijangka menjadi lebih menyeluruh, didorong oleh pengembangan perbelanjaan di sektor swasta dan awam. Permintaan agregat mengikut harga semasa dijangka meningkat dengan ketara sebanyak 16% (1999: 1%). Sektor swasta dijangka mengalami pertumbuhan kukuh sebanyak 17.6% (1999: -3.3%) manakala sektor awam akan terus berkembang pada kadar 12.4% (1999: 12.5%), berikutan rangsangan fiskal yang kukuh. Peningkatan perbelanjaan awam berpunca terutamanya daripada pelaburan awam yang lebih tinggi sebanyak 14.5% dalam nilai semasa (1999: 7.9%) dan pertumbuhan penggunaan awam yang sederhana pada kadar 10.1% (1999: 17.6%). Kadar peningkatan perbelanjaan swasta yang tinggi telah

meningkat didorong oleh perbelanjaan penggunaan yang lebih besar sebanyak 15.1% (1999: 5.6%) berikutan peningkatan keyakinan pengguna hasil daripada pemulihan ekonomi yang kukuh, pertambahan pendapatan bolehguna dan prestasi sektor eksport yang terus memberangsangkan. Dengan perbelanjaan penggunaan yang dijangka lebih tinggi, sumbangan tabungan negara kasar kepada KNK dijangka berkurangan kepada 37.2% (1999: 41.1%). Bagaimanapun, kedudukan sumber negara masih mencatatkan lebih sebanyak 9.9% daripada KNK (1999: 17.1%) dengan jumlah pelaburan dianggarkan sebanyak 27.3% daripada KNK (1999: 23.9%). Lebihan ini dijangka disumbangkan terutamanya oleh sektor swasta memandangkan kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan dijangka mencatatkan defisit.

Kedudukan imbalan pembayaran dijangka terus kukuh meskipun lebihan akaun semasa semakin kecil. Akaun barangan dijangka merosot, tetapi masih mencatatkan lebih sebanyak RM74,329 juta (1999: RM86,535 juta) berikutan kadar pertumbuhan import yang lebih cepat berbanding eksport. Lebihan akaun semasa mengecil walaupun jumlahnya masih besar sebanyak RM29,756 juta atau 9.9% daripada KNK (1999: RM47,902 juta atau 17.1% daripada KNK). Ini disebabkan oleh lebihan dagangan yang lebih rendah serta defisit perkhidmatan yang lebih besar sebanyak RM37,106 juta. Defisit perkhidmatan yang lebih besar ini disebabkan terutamanya oleh aliran keluar bersih fret dan insurans serta pendapatan pelaburan dan bayaran pindahan yang lebih tinggi. Akaun modal jangka panjang dijangka mencatatkan lebihan yang rendah sebanyak RM6,683 juta (1999: RM12,598 juta). Ini adalah selaras dengan jangkaan aliran masuk bersih modal jangka panjang rasmi dan swasta yang lebih kecil serta aliran keluar bersih modal jangka pendek yang lebih besar. Selepas mengambilkira jangkaan aliran keluar modal, kedudukan keseluruhan imbalan pembayaran dijangka mencatatkan lebihan sebanyak RM8,156 juta (1999: RM17,819 juta) pada tahun 2000.

Setelah mengambil kira kenaikan harga petrol, diesel dan gas cecair petroleum (LPG) dalam negeri, inflasi yang diukur melalui Indeks Harga Pengguna (IHP) dijangka terus rendah pada kadar 1.9% (1999: 2.8%). Indeks Harga Pengeluar (IHG) dijangka meningkat 4.4%. Pemulihan ekonomi memberi kesan yang menggalakkan ke

atas guna tenaga dengan mewujudkan 186,000 peluang pekerjaan baru sementara bilangan pekerja yang diberhentikan dijangka berkurangan kepada 14,600 orang (1999: 24,036 orang).


## **Pengeluaran Mengikut Sektor**

Semua sektor dijangka mencatatkan pertumbuhan positif pada tahun 2000 dengan pemulihan ekonomi menjadi semakin menyeluruh sepanjang tahun. Sektor perkilangan dijangka akan menerajui pertumbuhan memandangkan industri berorientasi eksport dan dalam negeri akan mencapai dua angka. Sektor perkhidmatan dan pembinaan juga dijangka mencatatkan pertumbuhan yang lebih tinggi berbanding tahun 1999. Pertumbuhan sektor pertanian dijangka lebih rendah daripada tahun 1999 manakala sektor perlombongan dijangka mencatat pertumbuhan kecil.

Pertumbuhan **sektor perkilangan** yang bermula pada tahun 1999 telah berterusan ke tahun 2000 dengan mencatatkan pertumbuhan pada kadar dua angka selama 15 bulan berturut-turut sehingga kini. Berikutan permintaan dunia yang kukuh bagi keluaran elektronik dan pemulihan ekonomi Asia serta peningkatan berterusan permintaan dalam negeri, nilai ditambah sektor perkilangan dijangka merekodkan pertumbuhan ketara 17% pada tahun 2000. Industri berorientasi eksport dijangka menerajui pertumbuhan sektor ini berikutan permintaan dunia yang terus kukuh untuk pengeluaran elektronik dan pengekaluan pertumbuhan ekonomi di Amerika Syarikat (AS) dan Asia. Keluaran industri berorientasi eksport dijangka berkembang sebanyak 22.4% (1999: 10.8%). Pertumbuhan industri berorientasi dalam negeri juga dijangka kekal pada tahun 2000, dengan pertumbuhan pada kadar 17% berasaskan peningkatan pendapatan, kadar faedah rendah serta perbelanjaan awam untuk infrastruktur yang meningkat. Memandangkan kadar pertumbuhan sektor perkilangan dijangka mengatasi pertumbuhan KDNK, bahagian sumbangannya kepada KDNK benar dijangka meningkat kepada 32.6% (1999: 30%).

Nilai ditambah **sektor pertanian, ternakan, perhutanan dan perikanan** dijangka berkembang sebanyak 0.5% (1999: 3.8%). Selepas peningkatan pengeluaran yang agak ketara pada tahun 1999, pengeluaran minyak kelapa sawit mentah dijangka meningkat sederhana pada kadar 0.9% pada tahun

**Carta 1.1**  
**Petunjuk-Petunjuk Ekonomi Utama**



1/ Pada akhir Mac, Jun, September and Disember termasuk Repos, kecuali pada tahun 2000, iaitu pada akhir of Mac, Jun dan Ogos).  
2/ Malaysia (IHP hingga September 2000).

2000 disebabkan terutamanya oleh kesan penurunan hasil akibat pusingan biologi pokok-pokok kelapa sawit. Pengeluaran getah dijangka merosot akibat daripada harga yang rendah serta penukaran berterusan tanah getah kepada kegunaan perniagaan, industri dan kediaman. Begitu juga, pengeluaran kayu balak dijangka mencatatkan peningkatan kecil 1.2% kepada 22.06 juta meter padu (1999: 21.80 juta meter padu). Pengeluaran dari sektor perikanan termasuk pendaratan ikan dan akuakultur dijangka meningkat 0.8% (1999: 3.4%), sementara pengeluaran ternakan dijangka berkembang 7.9% disebabkan oleh penggunaan dalam negeri yang tinggi. Oleh itu, sumbangan sektor pertanian, perhutanan dan perikanan kepada KDNK dijangka berkurangan pada kadar 8.8% (1999: 9.4%).

**Sektor perlombongan** dijangka mencatatkan pengeluaran yang kecil sebanyak 0.6% (1999: -3.1%) berikutan pengeluaran minyak mentah sebanyak 0.4% kepada 695,718 tong sehari (tsh) (1999: 694,868 tsh). Pengeluaran gas asli, bagaimanapun, akan meningkat 4.6% kepada 3,882 juta kaki padu standard sehari (jkps/h) (1999: 3,720 jkps/h) terutamanya untuk memenuhi permintaan dalam negeri yang lebih tinggi dan permintaan luar yang lebih baik. Sementara itu, pengeluaran timah dijangka berkurang sebanyak 16.9% kepada 6,100 tan (1999: 7,340 tan) berikutan harga yang lemah dan pengurangan kawasan operasi lombong timah.

Prestasi **sektor pembinaan** dijangka pulih dengan nilai ditambah meningkat 3.1% pada tahun 2000 (1999: -5.6%). Pertumbuhan ini terutamanya disebabkan oleh pelaksanaan beberapa projek besar awam dan projek penswastan infrastruktur dan pelaburan baru dalam sektor kediaman terutamanya pembinaan rumah kos rendah dan sederhana untuk memenuhi permintaan golongan berpendapatan rendah. Bagaimanapun, lebih penawaran masih berlaku dalam beberapa segmen pasaran hartanah. Dalam sektor bukan kediaman, lebih penawaran dan kadar penghunian yang rendah untuk ruang pejabat dan runcit terus menjejaskan aktiviti pembinaan. Aktiviti berkaitan dengan pembinaan rumah kos rendah dan sederhana dijangka terus kukuh. Aktiviti kejuruteraan awam dijangka terus pulih dan kukuh berikutan langkah-langkah fiskal dan pelaksanaan projek yang sebelum ini ditangguhkan. Oleh itu, sumbangan sektor pembinaan kepada keseluruhan KDNK adalah 3.4% (1999: 3.6%).

Sejajar dengan peningkatan yang ketara dalam aktiviti ekonomi sektor-sektor utama, **sektor perkhidmatan** dijangka meningkat lebih tinggi sebanyak 4.9% (1999: 3.3%). Pertumbuhan ini dijangka berpunca terutamanya dari sektor kecil pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan yang dianggar meningkat 6.7%, perdagangan borong dan runcit, hotel dan restoran 5.9%, sementara perkhidmatan kewangan dijangka berkembang pada kadar 4.2% pada tahun 2000. Prestasi yang lebih baik bagi sektor-sektor ini berpunca daripada perdagangan luar yang meningkat, aktiviti-aktiviti perkilangan yang kian bertambah, peningkatan perbelanjaan pengguna dan ketibaan bilangan pelancong yang lebih tinggi seramai 8.5 juta. Oleh itu, sektor perkhidmatan dijangka menyumbang 53% kepada keseluruhan KDNK tahun 2000.

### Permintaan Dalam Negeri

Permintaan dalam negeri dijangka terus berkembang, didorong oleh pertumbuhan permintaan sektor awam dan swasta. **Permintaan agregat dalam negeri** (tidak termasuk stok) dijangka meningkat dengan ketara sebanyak 16% kepada RM260,719 juta mengikut harga semasa (1999: 1%). Pertumbuhan ini dijangka berpunca daripada pemulihan kukuh **perbelanjaan sektor swasta** sebanyak 17.6% kepada RM184,396 juta (1999: -3.3%). Dalam pada itu, **perbelanjaan sektor awam** dijangka meningkat sebanyak 12.4% kepada RM76,323 juta (1999: 12.5%), berikutan rangsangan fiskal yang kukuh.

Peningkatan perbelanjaan sektor swasta sebahagian besarnya berpunca daripada jangkaan kadar pertumbuhan yang mencapai dua angka dalam aktiviti **pelaburan swasta** sebanyak 27.2% kepada RM40,746 juta pada tahun 2000, setelah dua tahun berturut-turut mengalami pertumbuhan negatif (1998: -50.9% dan 1999: -27.3%). Pelaburan yang lebih tinggi ini mencerminkan, antara lain, pemulihan keyakinan pelabur-pelabur di semua sektor ekonomi serta langkah-langkah dasar bertujuan untuk menarik pelabur asing menerusi insentif khusus iaitu Pakej Galakan Istimewa bagi projek-projek strategik. Sejak diumumkan dalam Belanjawan 2000, sejumlah enam projek bernilai RM8,620 juta telah diluluskan di bawah Pakej Galakan Istimewa sehingga akhir September 2000.

Sejajar dengan sentimen pelaburan yang bertambah baik dan peningkatan permintaan bagi keluaran industri perkilangan berorientasi eksport yang lebih tinggi, nilai **pelaburan yang dicadangkan** oleh pemohon kepada Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA) telah meningkat dengan ketara sebanyak 67.6% kepada RM17,477 juta dalam tempoh tujuh bulan pertama 2000 (Januari–Julai 1999: -13.3%). Sentimen pelabur, khususnya pelabur tempatan, semakin baik, dengan cadangan pelaburan meningkat 161.2% kepada RM8,781 juta (Januari–Julai 1999: -31.8%), manakala cadangan pelaburan asing meningkat 23.1% kepada RM8,695 juta (Januari–Julai 1999: -0.4%). **Cadangan pelaburan yang diluluskan** oleh MIDA meningkat 29.3% dalam tempoh yang sama kepada RM12,142 juta (Januari–Julai 1999: -43.6%). Cadangan pelaburan tempatan yang diluluskan telah meningkat dengan ketara sebanyak 270.8% kepada RM8,064 juta (Januari–Julai 1999: -77.3%). Namun demikian, cadangan pelaburan asing yang diluluskan merosot 43.5% kepada RM4,077 juta (Januari–Julai 1999: 2.2%). Ini sebahagiannya adalah kerana kelulusan permohonan yang dibuat secara selektif bagi memastikan kualiti pelaburan serta menggalakkan aktiviti pelaburan berteknologi tinggi dan berasaskan pengetahuan.

Import barangan modal yang meningkat 49.7% dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 2000 (Januari–Ogos 1999: -20.5%) serta peningkatan penggunaan kapasiti sektor perkilangan kepada paras yang melebihi 80% bagi memenuhi permintaan yang tinggi untuk pasaran dalam dan luar negeri merupakan petunjuk aktiviti pelaburan yang tinggi. Petunjuk-petunjuk utama pelaburan yang lain juga turut meningkat seperti pengeluaran konkrit campur siap sebanyak 40.7% (Januari–Julai 1999: -29.1%) dan jualan besi dan keluli 31.7% (Januari–Julai 1999: 2%) dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 2000.

Pelaburan modal dalam sektor perkhidmatan juga dijangka meningkat dengan ketara berikutan peningkatan bilangan syarikat dalam sektor kecil telekomunikasi, kewangan dan perkhidmatan perniagaan yang telah menambah perbelanjaan modal mereka ke atas teknologi maklumat dan komunikasi (ICT). Seterusnya, perbelanjaan modal ke atas pembelian barangan ICT yang bertujuan untuk membangunkan Koridor Raya Multimedia (MSC) terus menggalakkan, di mana RM2,800 juta dijangka dilaburkan pada tahun 2000.

Pelaburan swasta yang lebih tinggi juga didorong oleh peningkatan pelaburan modal dalam sektor minyak dan gas. Pelaburan dalam aktiviti hulu oleh enam syarikat minyak utama dianggarkan meningkat dengan ketara sebanyak 20.6% kepada RM9,198 juta (1999: 2.3%). Aktiviti hiliran dijangka merosot 2.3% kepada RM6,896 juta (1999: 37.7%). Sektor pembinaan yang mengalami prestasi yang lembab dan mengakibatkan sebahagian besar pengurangan pembentukan modal swasta pada tahun 1999 dijangka pulih pada tahun 2000. Ini berpunca daripada pelaksanaan semula sesetengah projek infrastruktur yang ditangguhkan, kerja-kerja yang berterusan ke atas projek-projek lebuhraya serta pembinaan rumah-rumah baru untuk memenuhi keperluan permintaan yang kukuh.

**Penggunaan swasta** yang merupakan komponen utama permintaan dalam negeri dijangka meningkat pada kadar yang lebih pesat sebanyak 15.1% kepada RM143,650 juta pada tahun 2000 (1999: 5.6%) hasil daripada pendapatan bolehguna yang lebih tinggi dan kesan kekayaan dalam suasana kadar faedah dan inflasi yang rendah. Perkembangan ini selaras dengan keyakinan pengguna yang bertambah baik dan perbelanjaan ke atas perkara-perkara yang ditangguhkan semasa krisis ekonomi serta prestasi sektor eksport yang terus menggalakkan. Petunjuk-petunjuk utama penggunaan swasta seperti import barangan pengguna telah meningkat 20.8% (Januari–Ogos 1999: 8.9%) dan kutipan cukai jualan 40.7% (Januari–Ogos 1999: 5.5%) dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 2000. Begitu juga dengan jualan kereta penumpang yang terus meningkat 21% dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 2000 (Januari–Ogos 1999: 105.9%), manakala kredit penggunaan yang disalurkan oleh sistem perbankan juga turut bertambah baik dengan peningkatan sebanyak 9.7% pada akhir bulan Julai 2000 (akhir Julai 1999: -6.6%).

Berikutan rangsangan fiskal yang lebih kukuh, **perbelanjaan pelaburan awam** dijangka meningkat pada kadar yang lebih tinggi sebanyak 14.5% kepada RM39,469 juta (1999: 7.9%). Ini adalah berpunca terutamanya daripada peningkatan 15.7% (1999: 17.1%) dalam pelaburan Kerajaan Persekutuan bagi tujuan pendidikan dan kesihatan serta projek-projek infrastruktur. Begitu juga dengan jumlah perbelanjaan modal Perusahaan Awam Bukan Kewangan (PABK) yang dijangka terus meningkat sebanyak 9.7% kepada RM19,212 juta bagi tujuan pengembangan

program-program sedia ada dan baru, iaitu setelah mencatatkan pertumbuhan sebanyak 16.6% pada tahun 1999.

Pada masa yang sama, **penggunaan awam** dijangka terus meningkat sebanyak 10.1% kepada RM36,854 juta (1999: 17.6%). Ini adalah disebabkan terutamanya oleh pertumbuhan perbelanjaan untuk bekalan dan perkhidmatan yang lebih tinggi sebanyak 22.2% kepada RM13,723 juta pada tahun 2000 berbanding dengan 12.5% pada tahun 1999. Begitu juga dengan perbelanjaan emolumen yang dijangka meningkat 7.2% kepada RM20,459 juta (1999: 6.3%) berikutan peningkatan 10% gaji pokok kakitangan awam serta kenaikan 50% imbuhan tetap perumahan bagi sebilangan kategori kakitangan awam.

## Permintaan Luar Bersih

**Eksport barangan dan perkhidmatan bukan faktor** dalam nilai benar dijangka terus berkembang kukuh pada kadar 12.4% (1999: 13.4%), memandangkan persekitaran dunia yang terus menggalakkan dan permintaan luar yang kukuh untuk barangan elektronik. Pendapatan eksport yang lebih tinggi dijangka bukan sahaja hasil daripada permintaan luar yang kukuh ke atas barangan, terutamanya dari AS dan ekonomi Asia Timur yang menyumbang tiga perempat daripada eksport Malaysia, tetapi juga daripada permintaan perkhidmatan bukan faktor yang lebih tinggi. Selepas mengambil kira harga eksport yang tinggi, nilai semasa eksport barangan dan perkhidmatan bukan faktor dijangka mencatatkan peningkatan yang lebih tinggi sebanyak 14.7% kepada RM419,266 juta (1999: 11.5%).

**Eksport barangan** pada harga percuma atas kapal (f.o.b) dijangka mengekalkan pertumbuhan pada kadar 14.5% kepada RM365,223 juta (1999: 13.2%) berpunca daripada kuantiti dan harga eksport yang lebih tinggi, terutamanya bagi barangan perkilangan. Nilai eksport barangan perkilangan dijangka terus kekal pada paras yang tinggi dengan mencatatkan pertumbuhan tahunan sebanyak 15.9% kepada RM316,323 juta pada tahun 2000 (1999: 14.7%), melebihi 85% daripada jumlah nilai eksport. Ini adalah berasaskan permintaan kukuh bagi keluaran elektronik dan elektrik serta keluaran kimia dan petroleum. Pendapatan eksport daripada komoditi pertanian, bagaimanapun,

dijangka terus merosot 18.4% kepada RM19,965 juta disebabkan terutamanya oleh harga dan jumlah kuantiti eksport minyak kelapa sawit mentah yang rendah akibat pertambahan bekalan minyak sayuran di pasaran antarabangsa. Prestasi lembab keluaran pertanian dijangka diimbangi oleh perolehan eksport yang lebih tinggi dari sektor perlombongan, dengan nilainya dijangka meningkat ketara sebanyak 36.5% kepada RM22,044 juta berdasarkan kepada harga minyak mentah dan gas asli cecair yang lebih tinggi.

Pendapatan daripada **eksport perkhidmatan bukan faktor** dijangka mencatatkan peningkatan ketara sebanyak 16.3% kepada RM54,043 juta (1999: 0.6%). Ini mencerminkan peningkatan pelancong dan jumlah dagangan luar yang lebih tinggi kesan langkah-langkah untuk meningkatkan perkhidmatan selama ini. Penyediaan perkhidmatan seperti pendidikan, fret dan insurans, pengangkutan udara dan laut serta perjalanan dijangka menyumbang ke arah peningkatan pendapatan pertukaran asing Malaysia.

Sejajar dengan tahap aktiviti ekonomi yang tinggi, serta permintaan luar yang kukuh terhadap eksport **import barangan dan perkhidmatan bukan faktor** dianggarkan berkembang pada kadar yang lebih tinggi sebanyak 22.9% kepada RM356,415 juta pada harga semasa (1999: 9.3%). Ini sebahagian besarnya disebabkan oleh peningkatan ketara dalam **import barangan** sebanyak 25.2% kepada RM290,894 juta pada harga f.o.b (1999: 9.4%) terdiri daripada, sebahagian besarnya, import barang modal dan barang perantaraan yang lebih tinggi. Kebanyakan import yang terdiri daripada barang ganti dan aksesori bagi kelengkapan modal dan bekalan industri ialah untuk industri perkilangan berorientasi pasaran eksport, khususnya industri elektrik dan elektronik. Import barangan modal dijangka meningkat dengan kukuh sebanyak 39.5%, sementara barangan perantaraan dijangka berkembang pada kadar yang lebih rendah, iaitu 27%. Dengan pendapatan yang tinggi dan meningkatnya sentimen pengguna, import barangan penggunaan dijangka berkembang pada kadar 11.7%, berpunca terutamanya disebabkan oleh peningkatan import barangan penggunaan separuh tahan lama dan tahan lama serta makanan diproses. **Import perkhidmatan bukan faktor** dalam harga semasa dijangka meningkat dengan kukuh sebanyak 13.6% kepada RM65,521 juta (1999: 8.7%). Ini menggambarkan bayaran

jangkaan fret dan insurans serta perkhidmatan pengangkutan udara dan laut yang digunakan oleh pemastautin yang lebih tinggi berasaskan jumlah kuantiti dagangan import dan bilangan rakyat Malaysia ke luar negeri.

Memandangkan kadar pertumbuhan import barangan dan perkhidmatan bukan faktor lebih tinggi daripada eksport, permintaan luar bersih dijangka merekodkan lebih sebanyak RM62,851 juta dalam harga semasa (1999: RM75,292 juta). Dengan demikian, lebih ini akan menyumbang sebanyak 21% kepada KNK semasa (1999: 26.9%).

### Imbangan Pembayaran

Kedudukan imbangan pembayaran dijangka terus kukuh pada tahun 2000, meskipun berlaku penguncupan dalam lebih akaun semasa. Lebih imbangan pembayaran yang rendah ini adalah disebabkan oleh jangkaan lebih dagangan yang lebih kecil serta defisit bayaran perkhidmatan dan perpindahan yang lebih besar. Lebih **akaun semasa** imbangan pembayaran dijangka merosot sedikit tetapi jumlahnya adalah sebanyak RM29,756 juta atau 9.9% daripada KNK (1999: RM47,902 juta atau 17.1% daripada KNK).

Lebih **akaun barangan** imbangan pembayaran juga dijangka merosot kepada RM74,329 juta (1999: RM86,535 juta) disebabkan oleh peningkatan kadar import lebih tinggi (25.2%) berbanding eksport (14.5%). Sebaliknya, **akaun perkhidmatan** dijangka terus mencatat defisit yang lebih besar, dianggarkan sebanyak RM37,106 (1999: -RM32,134 juta). Defisit ini terutamanya disebabkan oleh jangkaan aliran keluar bersih pendapatan pelaburan (-RM24,978 juta), lanjutan daripada perolehan hasil syarikat-syarikat asing yang lebih tinggi, terutamanya daripada industri berorientasi eksport. Tambahan pula, nilai import yang lebih tinggi dijangka akan membawa kepada peningkatan bayaran bersih fret dan insurans (-RM12,202 juta). Pada masa yang sama, jumlah bayaran bersih bagi perkhidmatan lain seperti perkhidmatan profesional dan kontrak, dijangka terus meningkat 8.9% kepada RM11,309 juta. Bagaimanapun, akaun perjalanan dijangka merekodkan aliran masuk yang lebih besar sebanyak RM8,999 juta, manakala perkhidmatan pengangkutan lain termasuk pengangkutan udara dijangka menghasilkan RM2,441 juta. Sementara

itu, aliran keluar pertukaran asing bersih bagi tujuan **bayaran pindahan** dijangka meningkat kepada RM7,468 juta (1999: -RM6,499 juta) disebabkan terutamanya oleh peningkatan penghantaran pulang wang oleh pekerja asing di Malaysia ke negara asal.

**Akaun modal jangka panjang** imbangan pembayaran dijangka mencatat aliran keluar bersih yang jauh lebih rendah sebanyak RM6,683 juta (1999: RM12,598 juta). Ini terutamanya disebabkan oleh aliran masuk bersih modal jangka panjang rasmi dan swasta yang lebih kecil masing-masing sebanyak RM2,418 juta dan RM4,265 juta. Jangkaan lebih akaun modal jangka panjang yang lebih kecil ini, antara lain, disebabkan oleh peningkatan nilai pelaburan Malaysia di luar negeri terutamanya oleh PABK. Tambahan pula, pelaburan langsung asing bersih dalam sektor minyak dan bukan minyak dijangka menjadi lebih rendah. Justeru, **akaun asas** imbangan pembayaran yang mengambilkira kedua-dua akaun semasa dan akaun modal jangka panjang dijangka merekodkan lebih yang kecil iaitu sebanyak RM36,439 juta (1999: RM60,500 juta). Selepas mengambilkira jangkaan aliran keluar bersih dalam modal swasta jangka pendek sebanyak RM21,323 juta (1999: -RM37,750 juta) serta aliran keluar bersih sebanyak RM6,960 juta (1999: -RM4,931 juta) yang disebabkan oleh butiran ralat dan ketinggalan, **kedudukan keseluruhan imbangan pembayaran** dijangka akan terus mencatat lebih RM8,156 juta (1999: RM17,819 juta).

### Kedudukan Kewangan Sektor Awam

Berasaskan dasar fiskal mengembang, kedudukan kewangan keseluruhan Kerajaan Persekutuan dianggarkan mencatat defisit RM17,992 juta atau 5.9% daripada KNK pada tahun 2000 berbanding defisit sebanyak RM9,484 juta atau 3.4% daripada KNK pada tahun 1999. Kutipan hasil Kerajaan Persekutuan dijangka bertambah baik sejajar dengan pemulihan ekonomi yang terus mantap. Jumlah keseluruhan **hasil Kerajaan Persekutuan** dijangka meningkat 8.2% kepada RM63,500 juta atau 20.9% daripada KNK, berbanding RM58,677 juta pada tahun 1999. Ini adalah 6% lebih tinggi daripada anggaran belanjawan RM59,897 juta. Jangkaan kutipan hasil yang lebih baik ini adalah berikutan daripada kutipan cukai yang lebih berkesan terutama sistem penilaian tahun semasa,

dan pemulihan ekonomi serta prestasi perniagaan yang lebih baik. Hasil cukai dijangka meningkat 7% dan seterusnya mengekalkan sumbangan 76.4% kepada jumlah keseluruhan hasil. Hasil daripada cukai langsung dijangka mencatat pertumbuhan kukuh sebanyak 9.4% kepada RM29,808 juta selepas berkurang 9.2% pada tahun 1999. Semua kategori utama cukai langsung dianggar mencatatkan peningkatan, terutamanya cukai individu (12.4%) sejajar dengan prestasi ekonomi yang bertambah baik dan cukai petroleum (95.2%) kesan daripada harga petroleum yang tinggi pada purata US\$26 setong. Hasil daripada cukai tidak langsung juga dianggarkan akan meningkat sejajar dengan pemulihan permintaan agregat dan harga petroleum yang lebih tinggi. Cukai tidak langsung yang termasuk duti eksport, duti eksais, cukai jualan dan cukai perkhidmatan meningkat 3.3% kepada RM18,702 juta, iaitu 29.5% daripada jumlah keseluruhan hasil. Hasil bukan cukai yang sebahagian besarnya terdiri daripada pendapatan pelaburan, lesen dan permit juga royalti petroleum dianggarkan meningkat 12.5% kepada RM14,990 juta. Kutipan daripada terimaan bukan hasil yang terdiri daripada pulangan balik perbelanjaan, terimaan daripada agensi Kerajaan dan hasil daripada Wilayah Persekutuan dijangka mencatat pertumbuhan sebanyak 6% kepada RM1,329 juta (1999: RM1,254 juta).

Jumlah **perbelanjaan mengurus** dijangka meningkat 24.6% kepada RM58,206 juta pada tahun 2000 (1999: RM46,699 juta). Peningkatan ini terutamanya disebabkan oleh pelarasan gaji untuk kakitangan Kerajaan di samping peningkatan pencen dan ganjaran serta bayaran khidmat hutang. Perbelanjaan untuk **emolumen** dianggarkan meningkat 8.1% kepada RM15,608 juta berikutan pelarasan 10% gaji dan peningkatan elaun perumahan. Berikutan usaha berterusan untuk meningkatkan mutu perkhidmatan Kerajaan, perbelanjaan bagi **perkhidmatan dan bekalan** dianggar mencatatkan peningkatan dua angka iaitu 30.6% terutama untuk kerja-kerja membaiki dan menyelenggara di samping bayaran untuk perkhidmatan profesional. **Bayaran khidmat hutang** yang terdiri daripada bayaran faedah untuk pinjaman dalam dan luar negeri dijangka meningkat 21.3% kepada RM9,630 juta berikutan pinjaman yang besar pada tahun 1998 dan 1999 untuk membiayai rangsangan fiskal. Oleh itu, akaun semasa bagi kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan dijangka mencatat lebihan yang rendah iaitu RM5,294 juta (1999: RM11,978 juta). Rangsangan fiskal bagi menggalakkan ekonomi

dilaksanakan terutama melalui perbelanjaan pembangunan Kerajaan Persekutuan. **Perbelanjaan pembangunan kasar** dijangka meningkat 11.8% kepada RM25,286 juta (1999: RM22,614 juta). Keutamaan diberi kepada projek yang mampu menjana aktiviti ekonomi dengan kesan aliran keluar yang minimum dan import serta boleh merangsangkan lagi pelaburan swasta. Oleh itu, sejumlah besar perbelanjaan diperuntukkan untuk **sektor ekonomi** dimana sektor kecil pengangkutan dan perdagangan dan perindustrian mendapat peruntukan yang terbesar daripada perbelanjaan pembangunan. Jumlah keseluruhan perbelanjaan untuk sektor ekonomi dianggarkan meningkat 28.4% kepada RM11,514 juta, dengan itu mengekalkan sumbangan yang ketara (45.5%) kepada jumlah keseluruhan perbelanjaan pembangunan. Sektor kecil pengangkutan merupakan penerima terbesar iaitu RM4,908 juta atau 42.6% daripada jumlah keseluruhan perbelanjaan dalam sektor ini. Di dalam sektor kecil pengangkutan, perbelanjaan untuk pembinaan dan menaikkan taraf jalan raya di samping pembinaan jambatan tetap diberi keutamaan dengan peruntukan sebanyak RM3,194 juta. Perbelanjaan untuk landasan keretapi, pelabuhan dan lapangan terbang dijangka berjumlah RM1,714 juta sejajar dengan dasar Kerajaan untuk memperbaiki rangkaian pengangkutan negara. Sektor kecil perdagangan memperoleh sebahagian besar daripada perbelanjaan pembangunan, berjumlah RM3,977 juta terutama dalam usaha menyediakan kemudahan infrastruktur di samping penyelidikan dan pembangunan untuk membantu memajukan pembangunan sektor perkilangan. Perbelanjaan untuk kemudahan awam kekal tinggi dalam menyediakan bekalan air dan elektrik yang lebih baik terutama di kawasan luar bandar. Perbelanjaan ke atas pertanian dan pembangunan luar bandar (termasuk pembangunan tanah) adalah lebih tinggi, berikutan komitmen Kerajaan untuk meningkatkan taraf hidup di kawasan luar bandar.

Perbelanjaan untuk sektor sosial, terutama untuk kesihatan dan pendidikan, juga besar, selaras dengan usaha berterusan kerajaan untuk meningkatkan kebajikan sosial rakyat, khususnya golongan yang berpendapatan rendah. Usaha Kerajaan ke arah mencapai K-ekonomi serta merapatkan jurang digital melalui pendidikan dan pembangunan sumber manusia memerlukan peruntukan yang besar di bawah sektor ini.



Perbelanjaan untuk kesihatan digunakan terutamanya untuk membina klinik kesihatan luar bandar dan menaiktaraf hospital.

Setelah mengambil kira anggaran terimaan balik pinjaman sebanyak RM2,000 juta, perbelanjaan pembangunan bersih dianggarkan berjumlah RM23,286 juta. Dengan perbelanjaan melebihi hasil, kedudukan keseluruhan kewangan Kerajaan Persekutuan dijangka mencatat defisit RM17,992 juta atau 5.9% daripada KNK pada tahun 2000 (1999: -3.4%). Ini merupakan tahun ketiga berturut-turut kedudukan fiskal mengalami defisit.


### Kedudukan Sumber Negara

Pendapatan negara dijangka meningkat pada kadar yang lebih tinggi sebanyak 7.2% (1999: 3.8%), walaupun **tabungan negara kasar** dijangka merosot sebanyak 2.8% kepada RM111,563 juta (1999: 1.5%) berikutan peningkatan keseluruhan perbelanjaan penggunaan yang tinggi sebanyak 14.1% (1999: 8%), seperti di *Carta 1.2*. Oleh demikian, tahap tabungan negara kasar sebagai peratusan daripada KNK dijangka berkurangan kepada 37.2% (1999: 41.1%). Walaupun **pembentukan modal tetap kasar** (termasuk perubahan dalam stok) dijangka mencatatkan pertumbuhan positif 22.4% kepada RM81,807 juta atau 27.3% daripada KNK pada tahun 2000 (1999: -11.6% atau 23.9% daripada KNK), **kedudukan sumber negara** mencatat lebih sebanyak RM29,756 juta atau 9.9% daripada KNK pada tahun 2000 (1999: RM47,902 juta atau 17.1% daripada KNK).

**Tabungan sektor swasta** yang merupakan 59.8% daripada tabungan negara kasar dijangka terus merosot sebanyak 3.9% kepada RM66,762 juta iaitu 22.3% daripada KNK (1999: -2.5% atau 24.9% daripada KNK). Ini disebabkan oleh peningkatan penggunaan yang ketara. Namun begitu, **pelaburan sektor swasta** dijangka berubah menjadi positif dan mencatatkan pertumbuhan ketara sebanyak 29.1% kepada RM41,554 juta atau 13.9% daripada KNK (1999: -26.5% atau 11.5% daripada KNK). Ini disebabkan terutamanya oleh pelaburan yang tinggi dalam sektor pertumbuhan baru, khususnya ICT serta pengembangan kapasiti pengeluaran akibat peningkatan penggunaan kapasiti sektor perkilangan dalam kedua-dua industri berorientasi pasaran eksport dan dalam negeri.

Memandangkan tahap tabungan sektor swasta yang rendah daripada pelaburan, lebih **kedudukan sumber sektor swasta** dijangka berkurang daripada RM37,265 juta (13.3% daripada KNK) pada tahun 1999 kepada RM25,207 juta (8.4% daripada KNK) pada tahun 2000.

**Tabungan sektor awam** dijangka merosot sebanyak 1.1% kepada RM44,801 juta atau 15% daripada KNK (1999: 8.3% atau 16.2% daripada KNK), disebabkan terutamanya oleh belanjawan Kerajaan Persekutuan yang mengembang. **Pelaburan sektor awam** dijangka meningkat dengan kukuh sebanyak 16.2% kepada RM40,252 juta atau 13.4% daripada KNK (1999: 8.9% atau 12.4% daripada KNK), oleh kerana pelaburan besar dalam sektor pendidikan dan kesihatan serta dalam projek-projek pembangunan infrastruktur. Dengan ini, **kedudukan sumber sektor awam** dijangka mencatatkan lebih yang rendah sebanyak RM4,549 juta atau 1.5% daripada KNK (1999: RM10,637 juta atau 3.8% daripada KNK).



## Perkembangan Kewangan

Dasar kewangan yang bersesuaian bertujuan untuk membantu dasar fiskal bagi mencapai pengukuhan pertumbuhan. Agregat kewangan terus berkembang dalam tempoh lapan bulan pertama 2000 dengan wang secara luas, M3, meningkat sebanyak RM5,384 juta atau 1.2% (Januari-Ogos 1999: RM19,074 juta atau 4.8%). Pertumbuhan tahunan M3 pada akhir Ogos 2000 berada pada paras 4.6%. Lebihan dagangan yang mapan dan peningkatan dalam pertumbuhan pinjaman berikutan perkembangan aktiviti-aktiviti ekonomi menyumbang kepada perkembangan penawaran wang. Penggerak utama kepada perkembangan kewangan, walau bagaimanapun, telah berubah dari sumber kewangan luaran kepada sektor swasta berdasarkan kepada peningkatan dalam pertumbuhan pinjaman oleh sektor swasta.

Aktiviti-aktiviti pinjaman sistem perbankan telah meningkat sejajar dengan perkembangan aktiviti-aktiviti ekonomi. Dalam tempoh lapan bulan pertama 2000, pinjaman yang diluluskan meningkat sebanyak 24.7% kepada purata bulanan sebanyak RM10,848 juta berbanding purata bulanan RM8,697 juta pada tahun 1999. Pengeluaran pinjaman terus meningkat pada purata RM28,786 juta sebulan dalam tempoh yang sama (purata bulanan 1999: RM26,526 juta). Jumlah pinjaman yang belum dijelaskan (termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas dan Danaharta) menunjukkan aliran menaik sejak Februari dan meningkat sebanyak RM13,867 juta atau 3.2% dalam tempoh lapan bulan pertama 2000. Kadar pertumbuhan tahunan jumlah pinjaman yang belum dijelaskan meningkat 3.6% pada akhir Ogos, dengan bank perdagangan mencatatkan kadar pertumbuhan tahunan sebanyak 4.7%. Syarikat kewangan juga telah mencatatkan kadar pertumbuhan tahunan positif yang lebih tinggi iaitu 2.1% pada akhir Ogos. Pertumbuhan sederhana ini adalah berikutan daripada pembayaran balik pinjaman yang tinggi. Sebahagian besar dari jumlah pinjaman yang belum dijelaskan adalah bagi pembelian harta kediaman (RM7,588 juta), kredit penggunaan (RM5,934 juta) dan aktiviti perkilangan (RM2,727 juta). Langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk membangunkan sekuriti hutang swasta (PDS) telah menghasilkan kesan positif. Pembiayaan untuk PDS telah bertambah. Jumlah PDS yang belum dijelaskan meningkat sebanyak RM11,330 juta dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 2000. Pada keseluruhannya, pembiayaan melalui pinjaman oleh sistem perbankan dan PDS

telah meningkat sebanyak RM25,197 juta atau 5% dalam tempoh lapan bulan pertama 2000. Secara tahunan, pembiayaan melalui pinjaman dan PDS meningkat 12.4% pada akhir Ogos.

Keadaan mudah tunai yang tinggi terus memberi tekanan ke atas kadar faedah. Kadar asas berian pinjaman purata (BLR) bank perdagangan merosot kepada kadar terendah 6.75% pada Mei 2000, sementara BLR syarikat kewangan berada pada tahap 7.95% sejak Ogos 1999. Kadar simpanan tetap 3 bulan bagi bank perdagangan dan syarikat kewangan masing-masing merosot kepada 3.26% dan 3.30% pada akhir Julai 2000, daripada 3.75% dan 3.80% pada akhir Julai 1999. Walau bagaimanapun, pada awal Ogos, institusi perbankan menaikkan kadar faedah simpanan yang menyebabkan kadar faedah simpanan 1 bulan hingga 12 bulan berada di antara 3.44% - 4.10% pada akhir September (akhir 1999: 3.24% - 3.95%). Dengan inflasi yang berada ditahap sederhana pada kadar 1.4% dalam tempoh sembilan bulan pertama tahun ini, pendeposit masih akan memperolehi kadar pulangan benar yang positif.

## Pasaran Saham

Prestasi Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) adalah bercampur-campur dalam tempoh sembilan bulan pertama 2000. Pada awal tahun, Indeks Komposit BSKL (KLCI) mengalami peningkatan positif mencecah tahap tertinggi 1,013.27 mata pada 18 Februari. Dalam tempoh separuh pertama tahun 2000, KLCI berada pada paras melebihi 800 mata. Ini adalah berikutan tersiarnya data-data ekonomi yang semakin baik, prestasi dan pendapatan korporat yang lebih baik serta kemasukan semula Malaysia ke dalam indeks *Morgan Stanley Capital International (MSCI)* pada Mei 2000.

Walaupun bagaimanapun, sentimen pasaran merosot sejak Julai dengan KLCI berada di bawah paras 800 mata. Namun demikian, KLCI mula meningkat dalam bulan Oktober dan ditutup pada 766.18 mata pada 16 Oktober. Dalam tempoh 4 Januari hingga 16 Oktober 2000, KLCI merosot 8% sementara kemerosotan bursa serantau adalah lebih ketara, iaitu Indeks Bursa Saham Thailand (-48.2%), Indeks Komposit Korea (-48%), Indeks Bursa Saham Jakarta (-41.2%), Indeks Komposit Filipina (-40%) dan Indeks *Straits Times* Singapura (-26%).

Jumlah urus niaga merosot sebanyak 17.3% kepada 62,490 juta unit dalam tempoh ini (Januari-pertengahan Oktober 1999: 75,570 juta unit). Namun demikian, nilai pasaran meningkat sebanyak 6.6% kepada RM519,465 juta pada pertengahan Oktober 2000 (pertengahan Oktober 1999: RM487,210 juta).

## **Inflasi**

Inflasi terus rendah pada tahun 2000 berikutan kenaikan kecil sebanyak 1.4% dalam Indeks Harga Pengguna (IHP) dalam tempoh sembilan bulan pertama tahun 2000 (Januari-September 1999: 3%). Bagaimanapun, Indeks Harga Pengeluar (IHPE) mencatat kenaikan ketara sebanyak 4.8% bagi tempoh Januari hingga Ogos 2000 (1999 : -4.8%). Peningkatan terutamanya kerana kenaikan harga yang dikenakan oleh pengeluar tempatan (5.7%) (1999: -5.7%) dan juga 1.1% oleh pengimport (1999: -0.9%). Mengikut komponen, peningkatan tertinggi adalah bagi kumpulan minyak galian, minyak pelincir dan bahan-bahan yang berkaitan (41.8%) berikutan kenaikan harga minyak mentah dunia.

Kenaikan sederhana dalam IHP dicatatkan dalam kesemua indeks kecil utama termasuk makanan yang meningkat sebanyak 2.1% dalam tempoh sembilan bulan pertama 2000 serta indeks kecil pengangkutan dan perhubungan (1.3%), yang mana kedua-duanya menyumbang 52.8% dalam wajaran agregat IHP. Bagaimanapun, indeks kecil sewa kasar, bahan api dan kuasa meningkat pada kadar yang lebih rendah sebanyak 1.3% (Januari-September 1999: 1.8%). Peningkatan IHP lebih sederhana dalam tempoh sembilan bulan pertama tahun 2000. Bagaimanapun, kadar pertumbuhan ekonomi yang terus kukuh serta kenaikan harga minyak dunia, mungkin akan mengakibatkan peningkatan kadar harga yang kecil menjelang akhir tahun 2000. Bagi tahun 2000, IHP dijangka meningkat pada kadar purata 1.9% (1999: 2.8%).

## **Pasaran Buruh**

Berikutan daripada pemulihan ekonomi, permintaan buruh dijangka meningkat 2.1% kepada 8.9 juta orang daripada 8.7 juta orang pada tahun 1999. Sebahagian besar, daripada pekerjaan baru (80%), adalah dalam sektor-sektor utama ekonomi iaitu

perkilangan, pembinaan serta perdagangan borong dan runcit serta perhotelan dan restoran. Namun begitu, dengan jangkaan pertambahan penawaran tenaga buruh sebanyak 2%, kadar pengangguran dijangka merosot daripada 3% pada tahun 1999 kepada 2.9% pada tahun 2000.

Memandangkan kadar pengangguran masih rendah, paras upah nominal dijangka meningkat. Ini adalah ekoran daripada pelarasan gaji sektor awam dan gaji sektor swasta yang dijangka meningkat berikutan pemulihan ekonomi serta pertambahan permintaan buruh. Kadar pertumbuhan produktiviti bagi tahun ini dijangka 4.2%, berpunca daripada penggunaan kapasiti yang lebih tinggi didorong oleh potensi permintaan dalam negeri dan eksport meningkat serta produktiviti yang lebih tinggi dari penggunaan ICT.

## **Prospek Tahun 2001**

Ekonomi Malaysia dijangka terus menggalakkan pada tahun 2001. Prestasi ini dijangka terus diterajui oleh pertumbuhan sektor swasta yang kukuh. Kerajaan akan terus membantu sektor swasta untuk memastikan pertumbuhan aktiviti-aktiviti ekonomi berkekalan. Selain daripada rangsangan fiskal, Kerajaan akan mengambil langkah untuk meningkatkan permintaan dalam negeri, membangunkan sumber pertumbuhan baru, mengukuhkan daya saing dan ketahanan negara serta meningkatkan kualiti hidup.

Ekonomi antarabangsa dijangka terus menggalakkan dengan pertumbuhan dunia kekal kukuh pada kadar 4.2% (2000: 4.7%). Meskipun pertumbuhan ekonomi AS dijangka lebih perlahan (3.2%), pertumbuhan ekonomi rakan dagangan utama Malaysia yang lain adalah lebih tinggi seperti Jepun (1.8%) dan Kesatuan Eropah (EU) (3.4%). Pertumbuhan serantau dijangka sederhana tetapi tetap kukuh pada kadar 6% (2000: 6.5%). Pertumbuhan perdagangan dunia dijangka terus pesat pada kadar 7.8%. Berdasarkan kedudukan luar negara yang baik, pertumbuhan KDNK benar diunjurkan pada kadar 7% pada tahun 2001. Meskipun terdapat petunjuk-petunjuk kukuh yang membolehkan pencapaian ekonomi yang mapan pada tahun 2001, masih terdapat beberapa risiko. Ini termasuk kemungkinan ekonomi AS merosot lebih daripada yang dijangka dan seterusnya

menjejaskan sektor elektronik. Selain itu, penggunaan dan pelaburan swasta dari dalam dan luar negara mungkin meningkat pada kadar yang lebih rendah dari yang dijangkakan.

### **Pengeluaran Mengikut Sektor**

Pada tahun 2001, semua sektor ekonomi dijangka mengalami pertumbuhan positif. Berdasarkan latar belakang ekonomi dunia yang stabil dan perdagangan yang berkembang, sektor perkilangan dijangka terus mencatatkan pertumbuhan dua angka pada kadar 12% (2000: 17%), mengekalkan kedudukannya sebagai sektor utama ekonomi. Sektor pembinaan dijangka berkembang dengan lebih kukuh pada kadar 5.5% (2000: 3.1%) berdasarkan pelaburan sektor swasta dalam projek-projek penswastaan dan peruntukan belanjawan untuk kemudahan sosial yang lebih tinggi. Sektor pertanian dijangka berkembang 1.8% (2000: 0.5%) berikutan pengeluaran yang lebih tinggi bagi minyak kelapa sawit dan getah. Sektor perlombongan dijangka mencatat pertumbuhan 1.7% (2000: 0.6%) hasil daripada pengeluaran gas yang lebih tinggi. Memandangkan kegiatan ekonomi yang lebih tinggi, nilai ditambah sektor perkhidmatan dijangka meningkat 5.2% (2000: 4.9%), diterajui oleh sektor kecil pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan serta sektor kecil kewangan, insurans, hartanah dan perkhidmatan perniagaan.

**Sektor pertanian, ternakan, perhutanan dan perikanan** diramalkan berkembang 1.8%. Pengeluaran minyak kelapa sawit dijangka meningkat 7.5% berikutan bertambahnya kawasan matang 3.7%. Manakala pengeluaran getah dijangka meningkat hanya 1.4% memandangkan harganya tidak meningkat begitu tinggi. Pengeluaran kayu balak dijangka menguncup 6.9% kerana pengeluaran daripada Semenanjung Malaysia dan Sabah dijangka berkurangan, sejajar dengan pengurusan hutan yang mapan. Sumbangan sektor pertanian kepada KDNK dijangka berkurang sebanyak 8.3% (2000 : 8.8%).

**Sektor perlombongan** diramal berkembang dengan perlahan iaitu 1.7% terutamanya dari peningkatan ketara pengeluaran gas asli yang dijangka sebanyak 12.6% kepada 4,384 jkps/h (2000: 3,882 jkps/h) untuk memenuhi permintaan yang meningkat. Sementara itu, pengeluaran

minyak mentah dijangka berkurangan sebanyak 0.8% kepada 692,109 tong sehari (2000 : 695,718 tsh) berdasarkan sasaran pengeluaran yang ditetapkan. Pengeluaran timah dijangka berkurang 16.4% kepada 5,100 tan metrik. Oleh itu, sumbangan sektor perlombongan kepada KDNK dijangka berkurang kepada 6.4% (2000: 6.8%).

Pertumbuhan **sektor perkilangan** diramal terus menggalakkan. Pertumbuhan pengeluaran dijangka kekal kukuh didorong terutamanya oleh pertumbuhan pesat kedua-dua industri berorientasi eksport dan dalam negeri. Pengeluaran perkilangan diramal mengekalkan pertumbuhan dua angka iaitu 12% pada tahun 2001 (2000: 17%). Meskipun terdapat kebimbangan pertumbuhan industri berorientasi eksport mungkin berkurangan berikutan kemungkinan ekonomi AS tumbuh dengan perlahan dan jualan komputer peribadi yang berkurang, pengeluaran industri berorientasi eksport Malaysia dijangka masih mampu berkembang pada kadar 12.3% (2000: 22.4%) berasaskan permintaan rakan dagang Malaysia lain terus meningkat. Unjuran ini mengambilkira permintaan dunia yang terus kukuh bagi pengeluaran elektronik memandangkan pertumbuhan yang menggalakkan dalam ICT dan sektor telekomunikasi wayarles. Di samping itu, sebahagian daripada pelaburan baru dan pengembangan kapasiti di sektor elektronik dijangka mula beroperasi pada tahun 2001. Begitu juga, pengeluaran industri berorientasi dalam negeri dijangka meningkat 11.7% (2000: 17%) didorong oleh pelaksanaan semula projek infrastruktur yang tertangguh dan penggunaan dalam negeri yang dijangka meningkat yang akan menyumbang kepada perkembangan pengeluaran kedua-dua industri bahan binaan dan kelengkapan pengangkutan. Produk industri keluaran kimia terutamanya plastik juga dijangka mendapat faedah yang besar daripada pertumbuhan yang terus kukuh dalam sektor elektrik dan elektronik. Sehubungan itu, sumbangan sektor ini kepada KDNK benar akan meningkat kepada 34.1% (2000: 32.6%).

**Sektor pembinaan** dijangka berkembang lebih kukuh pada kadar 5.5%, didorong oleh pelaburan sektor swasta yang lebih tinggi, terutamanya dalam projek-projek penswastaan infrastruktur dan peruntukan belanjawan yang lebih tinggi untuk kemudahan pendidikan, kesihatan dan sosial. Pertumbuhan ekonomi yang mapan dan pendapatan yang meningkat dijangka terus

menggalakkan permintaan dan pertumbuhan aktiviti pembinaan. Sumbangannya kepada KDNK benar bagaimanapun dianggarkan kekal pada kadar 3.4% (2000: 3.4%).

Nilai ditambah **sektor perkhidmatan** dijangka mencatatkan pertumbuhan mapan 5.2% (2000: 4.9%) memandangkan perkembangan sederhana yang dijangka dalam sektor-sektor ekonomi utama. Pertumbuhan sektor kecil pengangkutan dan perhubungan dijangka berkembang pada kadar yang lebih tinggi berbanding tahun 2000 kerana sumbangan yang lebih tinggi daripada pelaburan syarikat telekomunikasi dalam ICT dan kesan limpahan daripada jumlah dagangan yang lebih tinggi. Prestasi yang lebih baik dan asas yang lebih meluas bagi sektor benar juga dijangka terus menyumbang ke arah peningkatan prestasi sektor kewangan, terutamanya untuk memperkukuhkan aktiviti sektor perbankan dari segi permodalan, kualiti aset dan keuntungan. Dengan ekonomi di rantau ini yang dijangka terus menggalakkan pada tahun 2001, Malaysia juga dijangka akan mendapat faedah dari ketibaan pelancong yang lebih tinggi. Sumbangan sektor perkhidmatan kepada KDNK dijangka berkurangan sedikit 52.1% (2000: 53%).

## Permintaan Dalam Negeri

**Permintaan agregat dalam negeri** mengikut harga semasa dijangka meningkat, walaupun pada kadar yang sederhana sebanyak 12.5% kepada RM293,394 juta pada tahun 2001 (2000: 16%). Ini berikutan pertumbuhan eksport yang dijangka meningkat sederhana serta pengurangan saiz rangsangan fiskal untuk menjana kegiatan ekonomi dalam negeri. **Perbelanjaan sektor awam** dijangka meningkat secara perlahan pada kadar 11.9% kepada RM85,413 juta (2000: 12.4%). Namun demikian, peranan sektor awam yang semakin berkurangan ini dijangka akan diambilalih oleh sektor swasta sebagai penggerak pertumbuhan ekonomi. Oleh itu, **perbelanjaan sektor swasta** dijangka terus meningkat 12.8% kepada RM207,981 juta (2000: 17.6%).

**Perbelanjaan penggunaan swasta** dijangka dapat dikekal pada tahun 2001, berkembang dengan kadar yang lebih rendah tetapi kukuh pada paras

12.3% kepada RM161,299 juta (2000: 15.1%). Dasar Kerajaan yang sedia ada dijangka dapat menggalakkan perbelanjaan oleh sektor swasta. Peningkatan penggunaan swasta mencerminkan keyakinan pengguna yang terus meningkat dan pendapatan bolehguna yang lebih tinggi berpunca sebahagiannya daripada prestasi sektor eksport yang terus menggalakkan. Begitu juga dengan **pelaburan swasta** yang dijangka terus meningkat sebanyak 14.6% kepada RM46,682 juta (2000: 27.2%). Ini adalah sejajar dengan jangkaan aktiviti pelaburan yang meningkat disokong oleh langkah-langkah dasar Kerajaan yang berterusan bagi memastikan suasana pelaburan sektor swasta yang kondusif, pelaksanaan insentif-insentif yang berterusan, termasuk Pakej Galakan Istimewa dan pelaksanaan semula projek-projek infrastruktur yang diswastakan. Di samping itu, aktiviti pelaburan sektor swasta dijangka meningkat selaras dengan keadaan perniagaan yang lebih baik dan momentum kegiatan ekonomi dalam negeri yang kukuh. Pertumbuhan ekonomi yang berterusan dijangka mendorong lagi pelaburan sektor swasta, khasnya dalam sektor elektrik dan elektronik serta industri berkaitan ICT, perumahan dan pembangunan infrastruktur. Begitu juga dengan perbelanjaan modal dalam sektor minyak dan gas yang dijangka terus meningkat. Berdasarkan kepada jangkaan pelaburan ini, potensi pertumbuhan ekonomi dijangka akan terus mapan pada tahun 2001.

Dengan sektor swasta dijangka menerajui semula pertumbuhan ekonomi, **pelaburan awam** dijangka meningkat pada kadar yang perlahan sebanyak 12.5% kepada RM44,394 juta berbanding dengan 14.5% pada tahun 2000. Ini disebabkan terutamanya oleh pelaburan PABK yang dijangka berkurang 4.8% kepada RM18,288 juta (2000: 9.7%). Namun begitu, perbelanjaan pelaburan Kerajaan Persekutuan yang menyumbang 34.8% daripada jumlah pelaburan awam dijangka meningkat dengan ketara, iaitu 27.1% kepada RM15,462 juta (2000: 15.7%). **Penggunaan awam** dijangka meningkat sebanyak 11.3% kepada RM41,019 juta (2000: 10.1%). Peningkatan penggunaan awam ini sebahagian besarnya terdiri daripada emolumen yang merangkumi 54% daripada jumlah penggunaan awam serta perbelanjaan ke atas bekalan dan perkhidmatan (38.9% daripada jumlah penggunaan awam).

## Permintaan Luar Bersih

Selaras dengan pertumbuhan sederhana negara-negara pasaran eksport Malaysia terutamanya AS, nilai semasa **eksport barangan dan perkhidmatan bukan faktor** dijangka meningkat pada kadar yang lebih rendah tetapi kukuh sebanyak 8.5% kepada RM454,859 juta (2000: 14.7%). Nilai eksport yang lebih rendah ini juga disebabkan sebahagiannya oleh harga kebanyakan komoditi utama yang dijangka merosot dan arah aliran jualan global semi-konduktor yang menurun pada tahun 2001. Tambahan pula beberapa sektor tertentu menghadapi masalah batasan dalam penawaran. Namun demikian, **eksport barangan** dijangka terus meningkat 8.3% kepada RM395,579 juta (2000: 14.5%), disokong terutamanya oleh peningkatan 10.5% eksport barangan perkilangan yang menyumbang 87% daripada jumlah eksport. Walau bagaimanapun, pendapatan eksport bagi keluaran pertanian dan perlombongan dijangka berkurang. Pada masa yang sama, eksport **perkhidmatan bukan faktor** diramal meningkat 9.7% kepada RM59,280 juta (2000: 16.3%) dengan jangkaan penerimaan yang lebih tinggi daripada fret dan insurans serta pengangkutan udara dan perjalanan.

**Import barangan dan perkhidmatan bukan faktor** juga dijangka meningkat pada kadar yang lebih mapan sebanyak 10.8% kepada RM395,035 juta (2000: 22.9%), berdasarkan jumlah import yang dijangka lebih tinggi dalam keadaan harga import yang stabil. Pertumbuhan dijangka berpunca daripada semua kategori barang dagangan, khasnya import barang perantaraan untuk kegunaan industri perkilangan berorientasi eksport. Di samping itu, tahap kegiatan pelaburan yang lebih tinggi dijangka meningkatkan permintaan bagi barangan modal. Oleh itu, **import barangan** dijangka meningkat pada kadar yang lebih tinggi, iaitu 11.1% kepada RM323,120 juta berbanding dengan eksport barangan (8.3%). Pertumbuhan nilai **import perkhidmatan bukan faktor** pula dijangka pada kadar 9.8% kepada RM71,915 juta (2000: 13.6%). Sungguhpun kadar peningkatan import perkhidmatan bukan faktor dijangka lebih rendah, bayaran untuk fret dan insurans serta perkhidmatan pengangkutan udara dijangka masih tinggi.

Secara agregat, nilai eksport barangan dan perkhidmatan bukan faktor dijangka terus melebihi import sebanyak RM59,824 juta pada harga

semasa (2000: RM62,851 juta). Memandangkan lebih semakin mengecil, sumbangan sektor luar yang berkurang kepada pertumbuhan ekonomi pada tahun 2001 akan ditampung oleh prestasi permintaan perbelanjaan dalam negeri yang lebih kukuh.

## Imbangan Pembayaran

Memandangkan import barangan dijangka meningkat pada kadar yang lebih kukuh berbanding dengan eksport barangan pada tahun 2001, **akaun barangan** imbangan pembayaran diramal terus merekod lebihan yang kecil, iaitu RM72,459 juta (2000: RM74,329 juta). **Akaun perkhidmatan** sebaliknya diramal mencatat defisit yang lebih tinggi sebanyak RM39,781 juta (2000: -RM37,106 juta) memandangkan bayaran bersih pendapatan pelaburan yang lebih tinggi sebanyak RM26,419 juta (2000: -RM24,978 juta). Sebahagian besar bayaran ini berpunca daripada penghantaran pulang keuntungan dan dividen serta bayaran faedah oleh pelabur asing yang dijangka lebih tinggi. Kedudukan defisit ini juga disebabkan oleh pertambahan yang dijangka bagi bayaran bersih untuk fret dan insurans (-RM13,136 juta) dan perkhidmatan-perkhidmatan lain yang merangkumi perkhidmatan kontrak dan profesional (-RM12,831 juta). Terimaan bersih daripada perkhidmatan pengangkutan lain dijangka meningkat (RM2,831 juta) berikutan pendapatan yang lebih tinggi daripada pengangkutan udara dan perjalanan (RM9,839 juta) ekoran prestasi sektor pelancongan yang bertambah baik. Bayaran pindahan bersih juga dijangka meningkat lagi kepada RM7,911 juta (2000: -RM7,468 juta), sebahagian besarnya disebabkan oleh penghantaran balik wang yang lebih banyak oleh pekerja asing ke negara asal mereka. Selepas mengambilkira aliran keluar bayaran pindahan bersih, **akaun semasa** imbangan pembayaran dijangka mencatat lebihan yang kecil sedikit iaitu RM24,767 juta atau 7.6%, daripada KNK (2000: RM29,756 juta atau 9.9% daripada KNK).

## Kedudukan Kewangan Sektor Awam

Dasar fiskal mengembang akan diteruskan pada tahun 2001 untuk merangsang aktiviti ekonomi dan mengukuhkan pemulihan ekonomi. Kerajaan akan meneruskan dasar fiskal berhemat untuk memastikan kestabilan dalam jangka panjang.

Dalam hal ini. Kerajaan akan memastikan lebih akaun semasa dikekalkan sementara defisit keseluruhan berada pada paras yang mapan. Defisit akan dibiayai terutamanya daripada sumber dalam negeri yang tidak mencetuskan inflasi dan tanpa menjejaskan peluang sektor swasta mendapatkan kemudahan pembiayaan.

**Kutipan hasil** pada 2001 dijangka meningkat 9.6% khususnya daripada kutipan hasil cukai yang lebih tinggi, terutama cukai pendapatan individu dan syarikat disebabkan prospek perniagaan yang lebih baik. Di samping itu harga minyak mentah yang tinggi boleh meningkatkan kutipan hasil cukai langsung dan tidak langsung. Cukai langsung, yang merupakan komponen utama hasil Kerajaan Persekutuan dijangka meningkat 13.4%, sementara cukai tidak langsung dijangka meningkat sebanyak 6.3%. **Perbelanjaan mengurus** dijangka meningkat 4.3% kerana peruntukan yang lebih tinggi bagi bekalan dan perkhidmatan. Oleh itu, **akaun semasa** Kerajaan Persekutuan dianggarkan mencatat lebih sebanyak RM8,900 juta. Walau bagaimanapun, **perbelanjaan pembangunan kasar** dijangka meningkat kepada RM26,836 juta bagi melaksanakan projek-projek pembangunan yang bertujuan menyokong permintaan dalam negeri, meningkatkan kapasiti produktif dan kesejahteraan sosial. **Defisit belanjawan Kerajaan Persekutuan** dijangka berjumlah RM16,136 juta atau 4.9% daripada KNK.

Jumlah perbelanjaan mengurus dijangka meningkat 4.3% kepada RM60,710 juta. Peruntukan untuk emolumen terus kekal sebagai komponen terbesar merangkumi 27.9% atau RM16,921 juta kesan daripada kenaikan gaji tahunan yang tinggi dari pelarasan gaji semasa. Peruntukan untuk bekalan dan perkhidmatan dijangka meningkat 27.2% atau RM10,088 juta berikutan bayaran pengurusan yang tinggi dan pembelian bekalan, manakala peruntukan untuk bayaran khidmat hutang dijangka meningkat 5.7% kepada RM10,175 juta.

Perbelanjaan pembangunan pada 2001 dijangka kekal besar sebanyak RM26,836 juta atau 6.1% lebih tinggi daripada tahun 2000. Selaras dengan peningkatan sederhana dalam keseluruhan peruntukan untuk perbelanjaan pembangunan, peruntukan untuk **sektor ekonomi** dijangka berkurang 18.1% kepada RM9,429 juta. Peruntukan terbesar dalam sektor ini adalah untuk

pengangkutan dan infrastruktur (47%) diikuti oleh perdagangan dan perindustrian (26.4%) dan pertanian serta pembangunan luar bandar (15.6%).

Peruntukan perbelanjaan untuk **sektor perkhidmatan sosial** dijangka meningkat 38.3% kepada RM10,934 juta. Sejumlah RM5,923 juta atau 54.2% daripadanya adalah untuk sektor kecil pendidikan sementara perbelanjaan untuk sektor kecil kesihatan dijangka meningkat 1.5% kepada RM1,220 juta. Ini adalah kerana beberapa projek sedang dilaksanakan sementara projek-projek baru telah dikenalpasti untuk dilaksanakan. Peruntukan untuk perumahan dijangka meningkat 40.9% kepada RM1,706 juta terutamanya untuk pembinaan rumah di bawah Program Perumahan Rakyat Bersepadu yang akan dilaksanakan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Peruntukan untuk **sektor keselamatan** juga dianggarkan meningkat 13.4% kepada RM3,158 juta dengan sebahagian besarnya adalah untuk sektor kecil pertahanan berjumlah RM2,542 juta. Peruntukan terbesar untuk pertahanan digunakan terutamanya untuk pembelian peralatan ketenteraan dan pembinaan kem tentera sebagai sebahagian daripada usaha-usaha pemodenan. Peruntukan bagi keselamatan dalam negeri dijangka meningkat 13.6% kepada RM616 juta, terutamanya untuk Jabatan Polis Diraja bagi membina balai polis baru dan pembelian peralatan. Peruntukan untuk **sektor pentadbiran am** akan kekal besar, berjumlah RM3,315 juta. Sebahagian besar peruntukan ini adalah untuk pengkomputeran pentadbiran kerajaan, pembangunan aplikasi perdana di bawah Koridor Raya Multimedia (MSC) dan kemudahan awam untuk pusat pentadbiran Kerajaan di Putrajaya.

## Kedudukan Sumber Negara

Memandangkan keseluruhan perbelanjaan penggunaan yang lebih tinggi (12.1%) daripada pertumbuhan KNK (8.9%) dalam nilai semasa, **tabungan negara kasar** dijangka meningkat pada kadar 3.8% kepada RM115,843 juta atau 35.5% daripada KNK pada tahun 2001 (2000: -2.8% atau 37.2% daripada KNK), seperti di *Carta 1.2*. Sementara itu, pertumbuhan **pembentukan modal tetap kasar** dijangka terus meningkat 11.3% kepada RM91,076 juta atau 27.9% daripada KNK (2000: 22.4% atau 27.3% daripada KNK) disebabkan terutamanya oleh perbelanjaan modal

swasta yang dijangka meningkat lebih tinggi. Namun begitu, **jurang tabungan-pelaburan** dijangka terus mencatatkan lebihan yang besar sebanyak RM24,767 juta atau 7.6% daripada KNK (2000: 9.9% daripada KNK) memandangkan tahap tabungan negara dijangka terus melebihi perbelanjaan pelaburan. Sebanyak 52.8% daripada keseluruhan tabungan negara kasar dijangka disumbang oleh sektor swasta dan bakinya oleh sektor awam. Dalam pada itu, sektor swasta dijangka menyumbang 51.3% daripada keseluruhan pembentukan modal tetap kasar, manakala selebihnya adalah sumbangan sektor awam. Memandangkan tabungan mungkin mengatasi pelaburan, kedudukan sumber **sektor awam** akan terus mencatatkan lebihan sebanyak RM10,237 juta atau 3.1% daripada KNK (2000: 1.5% daripada KNK). **Sektor swasta** pula dijangka mencatat lebihan sumber sebanyak RM14,530 juta atau 4.5% daripada KNK (2000: 8.4% daripada KNK).

### Inflasi

Pada tahun 2001 IHP dijangka terus rendah selaras dengan inflasi dunia yang rendah serta harga minyak yang sederhana. Inflasi dunia dijangka terkawal dan tidak akan menjejaskan pertumbuhan negara kerana inflasi yang diimport juga dijangka rendah. IHPG dijangka stabil selaras dengan jangkaan harga minyak dunia dan peningkatan harga komoditi-komoditi lain yang sederhana.

### Guna Tenaga

Dengan ekonomi yang dijangka berkembang pada kadar 7%, peluang-peluang pekerjaan baru akan diwujudkan. Dengan itu, jumlah guna tenaga dianggarkan meningkat 6.2% daripada 8.9 juta kepada 9.5 juta dalam tahun 2001. Ekonomi akan terus berada dalam keadaan guna tenaga penuh dengan kadar pengangguran kekal rendah di bawah paras 3%. Penawaran dan permintaan buruh akan

terus stabil. Prospek pekerjaan baru akan wujud dalam bidang ICT dan bidang berkaitan dengannya. Bagaimanapun sektor perkilangan dijangka terus menggunakan bilangan pekerja yang terbesar di negara ini.

### Kesimpulan

Memandangkan asas-asas ekonomi yang terus mantap, pertumbuhan dijangka kekal pada paras 7% pada tahun 2001. Pertumbuhan berterusan dijangka dapat dicapai dalam suasana di mana permintaan luar akan terus menyokong aktiviti ekonomi tempatan yang dijanakan oleh pemulihan secara menyeluruh. Suasana kondusif untuk memperkembangkan permintaan agregat dalam negeri akan terus disediakan oleh rangsangan fiskal dan langkah-langkah dasar kewangan yang bersesuaian. Selain itu, langkah-langkah akan ditumpukan untuk mempercepatkan pertumbuhan ekonomi melalui perkembangan permintaan dalam negeri, mengembangkan sumber pertumbuhan baru terutamanya dalam aktiviti baru ICT supaya daya saing negara dapat diperkukuhkan.

Asas makroekonomi dijangka terus kukuh. Kedudukan akaun semasa imbalan pembayaran diramal terus kekal menggalakkan. Meskipun mencatatkan lebihan yang lebih kecil, namun jumlah mutlak masih besar, imbalan pembayaran dengan ini mengekalkan kedudukan rizab luar negara yang memuaskan. Meskipun beberapa risiko mungkin muncul, terutamanya pertumbuhan ekonomi dunia dan AS yang perlahan kerana harga minyak yang meningkat, ia dijangka diimbangi oleh pengukuhan penjanaan permintaan dalam negeri. Teras pengurusan makroekonomi pada tahun 2001 akan memberi tumpuan ke arah menguruskan risiko-risiko yang mungkin muncul di samping meneruskan usaha-usaha untuk meningkatkan daya saing dan ketahanan negara.